

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 08.05.2025 MASA: 05.30PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

MAJLIS JASAMU DIKENANG AHLI MAJLIS MBSP
SESI 2023/2024

TARIKH / MASA / TEMPAT

**14 MEI 2025 (RABU)
11.00 PAGI**

**BERTAM RESORT
SEBERANG PERAI UTARA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya juga, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini dalam **Majlis Jasamu Dikenang Ahli Majlis MBSP Sesi 2023/2024.**
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan yang setulusnya kepada barisan mantan Ahli Majlis MBSP yang diraikan pada hari ini atas segala jasa, pengorbanan, dan khidmat bakti yang telah dicurahkan sepanjang tempoh perkhidmatan bersama Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).
3. Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah turut saya rakamkan kepada seluruh warga kerja MBSP yang telah bertungkus-lumus menjayakan penganjuran majlis ini. Penghargaan juga ditujukan kepada para hadirin yang sudi meluangkan masa, hadir pada pagi ini sebagai tanda sokongan dan penghormatan kepada para mantan Ahli Majlis yang diraikan. Sesungguhnya, kehadiran tuan-tuan dan puan-puan mencerminkan semangat kebersamaan dan penghargaan yang tinggi terhadap khidmat bakti yang telah ditaburkan.

4. Hari ini, kita menzahirkan penghormatan kepada tujuh (7) orang mantan Ahli Majlis MBSP sesi 2023/2024 yang telah menamatkan khidmat mereka. Sesungguhnya, peranan dan sumbangan Ahli-Ahli Majlis ini amat besar dan signifikan dalam menjayakan agenda pembangunan dan kesejahteraan bandar raya kita.
5. Izinkan saya menyanjung tinggi jasa dan khidmat bakti yang telah dicurahkan oleh:
 - a) **Encik Anuar bin Yussoff** dan **Encik Ong Jing Cheng**, yang masing-masing telah berkhidmat selama sembilan (9) tahun sejak tahun 2016; satu tempoh yang mencerminkan kesetiaan, kecekalan dan iltizam dalam menabur bakti kepada warga Seberang Perai.
 - b) **Puan Norly Masitah binti Mohamed Noor**, yang telah menjalankan amanah selama empat (4) tahun dengan penuh komitmen dan keprihatinan terhadap keperluan komuniti setempat.
 - c) **Puan Normahani binti Muhamad**, yang walaupun hanya berkhidmat selama satu (1) tahun dan tujuh (7) bulan, telah menunjukkan dedikasi yang tinggi dalam melaksanakan tugas dan menyumbang secara bermakna dalam pelbagai aspek pembangunan Seberang Perai.
 - d) **Puan Nurhidayah binti Che Rose**;

- e) **Encik Muhammad Fadzli bin Roslan**; dan
 - f) **Encik Muhammad Fitri bin Termizi**, yang masing-masing telah memberikan khidmat selama satu (1) tahun dan tiga (3) bulan, namun telah menunjukkan komitmen yang terpuji serta menyumbang pandangan yang bernalas dan berwawasan dalam memperkasa perkhidmatan MBSP.
6. Meskipun ada dalam kalangan mantan Ahli Majlis yang menabur bakti dalam tempoh singkat, namun impak yang ditinggalkan tetap besar. Setiap langkah, setiap keputusan dan setiap cadangan yang dikemukakan oleh mantan Ahli Majlis ini telah menjadi sebahagian daripada naratif pembangunan Seberang Perai yang lestari dan progresif.
7. Bagi pihak seluruh warga kerja MBSP, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih atas segala sokongan, sumbangan dan perkhidmatan yang telah diberikan. Komitmen dan kerjasama yang ditunjukkan sepanjang tempoh perkhidmatan amatlah dihargai dan akan terus dikenang.
8. Sesungguhnya, peranan Ahli Majlis amat penting sebagai jambatan penghubung antara Pihak Berkuasa Tempatan dan masyarakat. Tuan-tuan dan puan-puan bukan sekadar menyampaikan suara rakyat, malah menjadi pemacu dasar-dasar yang membina komuniti yang inklusif dan sejahtera.

9. Saya percaya bahawa pengalaman yang diperoleh sepanjang perkhidmatan bersama MBSP akan terus menjadi bekal dalam usaha tuan-tuan dan puan-puan menyumbang kepada masyarakat dan negara, dalam kapasiti masing-masing pada masa akan datang.
10. Harapan saya agar hubungan silaturahim dan jaringan kerjasama yang telah terbina selama ini tidak terhenti di sini. MBSP akan sentiasa membuka pintu kepada mantan Ahli Majlis untuk terus berkongsi pandangan, idea dan kepakaran demi kemajuan bandar raya kita yang tercinta.
11. Akhir kata, saya mendoakan agar tuan-tuan dan puan-puan akan terus cemerlang, diberi kesihatan yang baik dan dipermudahkan urusan dalam apa juu bidang yang diceburi selepas ini.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***